

TALKING POINTS

Y.BHG. PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB

NAIB CANSOLOR

**MAJLIS PENUTUP EKSPLO MELAKA – UTeM
YOUNG ENTREPRENEURIAL INVENTORS 2014**

16 NOVEMBER 2014 (AHAD)

4.30 PETANG, MYDIN MITC

Salutasi akan disediakan

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh
Salam Sejahtera, Salam Satu Malaysia

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau,
Melaka 752 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Cepat, Tepat.

1. Alhamdulillah marilah kita sama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT yang telah memberi kesempatan untuk kita berhimpun dan bertemu dalam Majlis Penutup Ekspo Melaka – UTeM Young Entrepreneurial Inventors (EYEI) 2014 pada petang yang berbahagia ini.

2. Syabas dan tahniah kepada seluruh Ahli Jawatankuasa Pelaksana terutamanya kepada Pusat Keusahawanan UTeM di atas komitmen dan kesungguhan yang telah dipamerkan bagi memastikan kelancaran perjalanan persiapan program sehinggalah terlaksananya program ekspo ini dengan jayanya.

TALKING POINTS

3. Pendahuluan

- i. Bagi menjadikan Malaysia sebagai negara maju pada 2020, graduan perlu diterapkan dengan nilai-nilai kreatif, inovatif, berdaya saing, mengambil risiko, bekerjasama, dan lain-lain;
- ii. Sistem Pengajian Tinggi Negara telah mengenal pasti pendidikan keusahawanan sebagai salah satu pendekatan yang boleh digunakan;

- iii. EYEI 2014 menyokong 3 objektif yang tersenarai dalam Pelan Keusahawanan IPT:
 - ✓ Melahirkan modal insan dan tenaga kerja yang berdaya keusahawanan, berinovasi, kreatif dan berdaya maju bagi memacu transformasi ekonomi negara kepada ekonomi berpendapatan tinggi;
 - ✓ Menjana masyarakat yang kreatif dan berinovasi selaras dengan Pelan Pembangunan Modal Insan Inovasi; dan
 - ✓ Meningkatkan kebolehpasaran siswazah/lulusan IPT melalui penerapan nilai dan budaya keusahawanan.

4. Peranan Universiti dalam keusahawanan

- i. Satu kajian oleh penyelidik Sepanyol (2008), *The relationship between University Support to Entrepreneurship with Entrepreneurial Activity in Spain* menunjukkan bahawa terdapat

hubungan signifikan antara program yang dijalankan di universiti dan kecenderungan pelajar untuk terlibat dalam keusahawanan;

- ii. Kejayaan program pembudayaan keusahawanan di universiti bergantung pada komitmen dan sokongan pengurusan tertinggi universiti masing-masing.

5. EYEI 2014

- i. Tema penciptaan adalah berasaskan kreatif dan inovatif terbaik dalam bidang kejuruteraan, teknologi maklumat, perniagaan, dan sebagainya.
- ii. Galakan kepada pelajar dan masyarakat untuk membudayakan aktiviti keusahawanan menerusi produk-produk inovasi yang dihasilkan;

- iii. Sebanyak lebih daripada 150 penyertaan telah diterima menunjukkan bidang keusahawanan semakin mendapat perhatian dan pilihan terutama dari kalangan mahasiswa IPT.
- iv. Turut mencungkil kreativiti dan semangat berkumpulan dalam menghasilkan poster, prototaip atau produk serta rancangan perniagaan yang terbaik.

6. PENUTUP

UTeM Terpasak di Bumi Melaka,
Masyhur Namanya Tidak Terkira,
Usahawan Kreatif Tonggak Utama,
EYEI 2014 Menjadi Pelaksana.

Terbit Mentari Terbuka Rezeki,
Peluh Keringat Seikhlas Hati,
Penyelidikan Inovasi Ungkapan Bestari,
Penyandang Amanat Keyakinan Diri.

Harum Baunya Si Bunga Melur,
Tumbuh Melata Di Tengah Taman,
Tahniah Dan Syabas Buat Penganjur,
Komitmen Jitu Amat Berkesan.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya merasmikan majlis penutup Ekspo Melaka- UTeM Young Entrepreneurial Inventors 2014.